

KEMPEN PB JOURNEY APP 2.0

TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Journey App 2.0 (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 (6463-H) [“PBB”]. Terma dan syarat di bawah akan mengawal Kempen ini (“Terma dan Syarat”).

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan dijalankan mulai **1 April 2022 hingga 30 Jun 2022**, termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan dan Platform

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun Simpanan WISE* yang baharu atau sedia ada yang mempunyai akses kepada aplikasi mudah alih PB Journey (“App”)[#] (“Peserta yang Layak”).

* Akaun Simpanan WISE dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

[#] App ini ialah aplikasi mudah alih bukan kewangan yang dilancarkan oleh PBB yang boleh dimuat turun daripada Apple App Store, Google Play Store dan HUAWEI AppGallery.

Peserta yang Layak yang berumur di bawah 18 tahun mesti mendapat kebenaran daripada ibu bapa / penjaga yang sah mereka untuk menyertai Kempen ini.

- 2.2 Peserta yang Layak tidak perlu mendaftar untuk menyertai Kempen ini.
- 2.3 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian bagi pihak kanak-kanak dalam Kempen ini:
- kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad dan Public Investment Bank Berhad;
 - pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - orang yang tidak waras;
 - orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
 - orang yang akaunnya dengan PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB.

3. Hadiah Alu-aluan

- 3.1 **Seratus (100)** Peserta yang Layak **yang pertama** yang telah berjaya mendaftar App ini semasa Tempoh Kempen akan layak untuk mendapat **Hadiah Alu-aluan bernilai RM18**.
- 3.2 Setiap Peserta yang Layak hanya layak untuk mendapat satu (1) Hadiah Alu-aluan sepanjang Tempoh Kempen ini.
- 3.3 Hadiah Alu-aluan akan diberikan kepada Peserta yang Layak atas asas “siapa cepat, dia dapat”, tertakluk pada ketersediaan.
- 3.4 Hadiah Alu-aluan sejumlah RM1,800 telah diuntukkan bagi Kempen ini.

4. Hadiah Peraduan

- 4.1 Peserta yang Layak dikehendaki melaksanakan yang berikut semasa Tempoh Kempen untuk mendapat penyertaan peraduan bagi **Hadiah Peraduan:-**

Butiran	Bilangan Penyertaan Peraduan
Berjaya mendaftar App (Hanya diterima pakai sekali semasa Tempoh Kempen)	10
Bagi setiap RM1 yang dikekalkan dalam <i>Pocket Money</i>	1
Bagi setiap RM1 <i>Goal</i> selesai (“ <i>Goal</i> ”)	1
Bagi setiap RM1 <i>Task</i> selesai (“ <i>Task</i> ”)	1

- 4.2 **Seratus (100)** Peserta yang Layak **yang pertama** dengan bilangan agregat penyertaan peraduan tertinggi pada akhir Tempoh Kempen ini akan layak untuk mendapat Hadiah Peraduan iaitu e-baucar Shopee bernilai RM100 (“Pemenang Hadiah Peraduan”).
- 4.3 Setiap Peserta yang Layak hanya layak untuk mendapat satu (1) Hadiah Peraduan sepanjang Tempoh Kempen ini.
- 4.4 Hadiah Peraduan sejumlah RM10,000 telah diuntukkan bagi Kempen ini.

5. **Hadiah *Sharing Journey***

- 5.1 **Seratus (100)** Peserta yang Layak **yang pertama** yang memenuhi kesemua kriteria yang berikut akan layak untuk memenangi satu (1) **Hadiah *Sharing Journey* bernilai RM8:-**
- a) berkongsi *Task* beliau yang telah diselesaikan dan/atau *Goal* di akaun Facebook / Instagram beliau dengan hashtag #PBJOURNEY;
 - b) tag akaun Facebook / Instagram PBB iaitu @publicbankmy; dan
 - c) tetapkan tetapan privasi pos kepada “awam”.
- 5.2 Setiap Peserta yang Layak hanya layak untuk mendapat satu (1) Hadiah *Sharing Journey* sepanjang Tempoh Kempen ini.
- 5.3 Hadiah *Sharing Journey* akan diberikan kepada Peserta yang Layak atas asas “siapa cepat, dia dapat”, tertakluk pada ketersediaan.
- 5.4 Hadiah *Sharing Journey* sejumlah RM800 telah diuntukkan bagi Kempen ini.

6. **Lain-lain**

- 6.1 Peserta yang Layak yang memenangi Hadiah Alu-aluan juga layak untuk memenangi Hadiah Peraduan dan Hadiah *Sharing Journey*.
- 6.2 Hadiah Alu-aluan, Hadiah Peraduan dan Hadiah *Sharing Journey* (secara kolektif dikenali sebagai “Hadiah”) di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi untuk wang tunai pendahuluan dan tidak boleh ditukarkan dengan hadiah, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 6.3 Hadiah Alu-aluan dan Hadiah *Sharing Journey* akan dikreditkan dalam Akaun Simpanan WISE yang ditetapkan oleh Peserta yang Layak yang berjaya dalam tempoh tiga (3) bulan selepas berakhirnya Tempoh Kempen atau tarikh lain sedemikian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh PBB.
- 6.4 Hadiah Peraduan akan dihantar kepada Pemenang Hadiah Peraduan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas akhir Tempoh Kempen melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 6.5 PBB berhak untuk menggantikan Hadiah Peraduan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan mana-mana produk atau baucar yang sama nilainya pada bila-bila masa.

- 6.6 Pemenang Hadiah Peraduan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai, kos sampingan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan Hadiah Peraduan. PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa cukai, kos sampingan, caj yang ditanggung oleh Pemenang Hadiah Peraduan dan/atau Hadiah Peraduan yang tidak diterima oleh Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd.
- 6.7 Hadiah Peraduan juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan oleh Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd dari semasa ke semasa.
- 6.8 Sekiranya berlaku peristiwa yang berikut, Peserta yang Layak yang berjaya tidak layak untuk apa-apa penyertaan peraduan dan/atau Hadiah di bawah Kempen ini:-
- a) profil App Peserta yang Layak yang berjaya telah dipadamkan; dan/atau
 - b) Akaun Simpanan WISE Peserta yang Layak yang berjaya telah ditamatkan, digantung atau ditutup; dan/atau
 - c) akaun Facebook / Instagram Peserta yang Layak yang berjaya telah ditutup; dan/atau
 - d) pos Facebook / Instagram Peserta yang Layak yang berjaya telah dipadamkan,
- sebelum Hadiah diberikan kepada Peserta yang Layak yang berjaya.
- 6.9 PBB tidak mempunyai sebarang obligasi untuk memaklumkan Peserta yang Layak apabila Hadiah telah digunakan sepenuhnya.
- 6.10 PBB berhak untuk menarik balik Hadiah sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Akaun Simpanan WISE, akaun semasa/-i atau akaun simpanan/-i (“CASA/-i”), aplikasi mudah alih PB engage (“PB engage”) dan/atau App untuk tujuan Kempen ini tidak dipatuhi oleh Peserta yang Layak.

7. Terma dan Syarat Am

- 7.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Akaun Simpanan WISE, CASA/-i, PB engage dan/atau App (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Akaun Simpanan WISE, CASA/-i, PB engage dan/atau App, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.

- 7.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak perlu memberi apa-apa sebab atau melayani apa-apa rayuan, bantahan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah ini.
- 7.3 Sekiranya Peserta yang Layak adalah kanak-kanak,
- a) ibu bapa / penjaga yang sah bagi Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka dan maklumat Peserta yang Layak bagi tujuan Kempen ini;
 - b) ibu bapa / penjaga yang sah bagi Peserta yang Layak memberi keizinan mereka kepada Peserta yang Layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan bersetuju bahawa Terma dan Syarat ini hendaklah diterima pakai berkaitan dengan penyertaan Peserta yang Layak dalam Kempen ini.
- 7.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan ataupun menerima liabiliti dalam apa jua bentuk sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak, ibu bapa / penjaga yang sah bagi Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini dan/atau Hadiah, kecuali dibuktikan bahawa ia disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan secara khusus oleh PBB berkaitan dengan Kempen ini.
- 7.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran dan pengiklanan.
- 7.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengesahan kepada apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, berkaitan dengan Kempen dan Hadiah ini.
- 7.7 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan atau penangguhan transmisi apa-apa urus niaga yang dijalankan melalui PB engage atau APP atau yang dikesan oleh sistem PBB yang mungkin menyebabkan Peserta yang Layak terkeluar daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 7.8 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.

7.9 PBB berhak-untuk:

- a) membuat penambahan, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa, sepenuh atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan di laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda itu akan diterima pakai berbanding dengan apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam bahan promosi lain untuk pengiklanan Kempen ini.
- b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan di laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana-atau semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak, sama ada pembatalan, penarikan balik, penamatan atau penggantungan tersebut berlaku secara langsung atau tidak langsung.

7.10 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

7.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat mereka melalui www.pbebank.com atau mana-mana cawangan PBB.

 Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
